

29 MAR 1996

RTM - Sambutan

PELBAGAI PROGRAM MENARIK SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN RTM

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Radio Television Malaysia (RTM) akan menyediakan pelbagai program menarik melalui semua stesen television (tv) dan radionya di seluruh negara selama setahun bermula malam 31 Mac ini sempena sambutan 50 tahun stesen itu.

Tema "Jasa dikenang, Mendukung Wawasan" dipilih untuk sambutan jubli emas pada kali ini dengan RTM akan menganjurkan program yang berbentuk mengenang jasa mereka yang banyak berjasa dalam pembangunan tanahair," kata Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia Datuk Jaafar Kamin.

TV1 dan TV2 akan disiarkan 24 jam pada malam 31 Mac ini dengan pelbagai program termasuk program pembukaan sambutan iaitu Hiburan Malam Mesra Jubli Emas pada pukul 8.30 malam menerusi TV1 yang disertai artis-artis popular tanah air seperti KRU, Ramlah Ram, Ameng, Rohana Jalil dan Leonard Tan.

Sambutan diteruskan lagi dengan program seperti Panggung RTM, Bakat TV, Opah dan Nostalgia bersama RTM yang akan diserikan dengan "Ahmad Daud Show" sepanjang malam itu, katanya pada persidangan berita sempena sambutan jubli emas RTM di sini hari ini.

Beliau berkata selain daripada sambutan melalui siaran radio dan tv, RTM juga akan menganjurkan pelbagai program lain seperti Perhimpunan Hari RTM 50 Tahun yang akan diadakan di Auditorium Besar Angkasapuri, majlis kesyukuran, Malam Jubli Emas RTM dan tiga persidangan penyiaran di peringkat antarabangsa.

Persidangan pertama iaitu "Public Broadcasting International" (PBI) akan diadakan pada 12 hingga 15 Jun ini yang akan melibatkan penyiar dari seluruh dunia manakala Persidangan (CBA) Commonwealth Broadcasting Association diadakan pada 25 hingga 31 Ogos yang disertai oleh syarikat penyiaran yang terbabit dengan Sukan Komanwel 1998, kata Jaafar.

Persidangan ketiga akan dibuat pada September 1996 iaitu Persidangan Penyiaran Asean (ABC) yang melihatkan penyertaan dari negara-negara anggota Asean, katanya.

Program "Motor Rally" pula dijadualkan berlangsung pada September dan Oktober di dua tempat dari Johor ke Kuala Lumpur yang berkonsepkan pencarian harta karun dan Kuching ke Tawau yang menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan perlumbaan ini mementingkan ketahanan fizikal.

Rancangan Teleton selama 24 jam dijangka disiarkan pada 1 Okt dan stesen tv swasta seperti TV3, Metro Vision dan Measat akan diundang untuk bersama-sama menjayakan rancangan kutipan derma bagi masyarakat yang memerlukan.

Ini diteruskan lagi dengan Larian 50 Tahun RTM bersempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke RTM pada akhir tahun.

Stesen radio bagi negeri-negeri juga akan menganjurkan pelbagai program menarik sepanjang tempoh sambutan tersebut, katanya.

Turut hadir pada persidangan berita itu ialah Pengarah TV Haji Helan Abu dan Pengarah Radio Haji Madihi Johari. -- BERNAMA

NJ CR